



19 November 2012  
19 November 2012  
P.U. (A) 376

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT  
MALAYSIA (PREMIUM TAHUNAN DAN PREMIUM  
PERTAMA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA  
DEPOSIT) (PINDAAN) 2012

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION  
(ANNUAL PREMIUM AND FIRST PREMIUM IN RESPECT  
OF DEPOSIT- TAKING MEMBERS) (AMENDMENT)  
ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PREMIUM TAHUNAN DAN  
PREMIUM PERTAMA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)  
(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 47(1), 48(2) dan 48(3) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Menteri, atas syor Perbadanan, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit)(Pindaan) 2012**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 28/2011*], yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan subperenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:

"(1) Tertakluk kepada perenggan 3 dan apabila kategori premium yang dalamnya suatu anggota penerima deposit dikelaskan bagi suatu tahun taksiran menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 34/2011*], adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit itu adalah kadar premium bagi tahun taksiran yang dinyatakan dalam ruang (2), (3) atau (4) yang bersetentangan dengannya dalam Jadual Pertama."